

## MYSTARTUP UMUM STARTUP BERPOTENSI PADA “DEMO DAY” PRE-ACCELERATOR KOHORT 3

*Dua belas (12) startup finalis mempamerkan dan membentangkan idea inovatif mereka di hadapan sepuluh (10) panel juri.*

**KUALA LUMPUR, 5 Jun 2024** – MYStartup Pre-Accelerator Kohort 3, dengan kerjasama Growth Charger, memacu inovasi di “Demo Day” selepas menjalankan sesi bimbingan dan pementoran yang intensif selama lebih daripada 16 minggu. Ketika “Demo Day” ini berlangsung, *startup* berpotensi tinggi telah diumumkan dan diiktiraf selepas berjaya melaksanakan pelan pembuktian konsep serta mengesahkan idea dan model perniagaan mereka.

26 *startup* yang merangkumi pelbagai industri termasuk teknologi hijau, kehidupan pintar, hospitaliti dan digitalisasi telah dipilih untuk menyertai kohort ketiga program yang diterajui oleh Cradle dan MYStartup ini. Ketika “Demo Day” berlangsung, dua belas (12) finalis telah membentangkan idea perniagaan mereka kepada penonton yang terdiri daripada usahawan, mentor, pelabur dan komuniti *startup* tempatan di hadapan sepuluh (10) panel juri yang terdiri daripada pemimpin industri, termasuk wakil daripada Cradle, Maybank, Cyberview, Dana Impak, Tuas Capital Partners dan The Hive Southeast Asia, Jewel Digital Ventures, MBI Selangor, Orbit Malaysia, Origgin Ventures dan SBI Ventures Malaysia.

Lima *startup* terbaik turut diumumkan selepas selesai sesi *pitching*. *Startup* tersebut ialah:

1. **ScancerAI**: Menggunakan AI canggih untuk pengesanan awal kanser paru-paru melalui analisis Sinar X dada, bertujuan merevolusikan diagnostik. Dibangunkan dengan kepakaran dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
2. **Practistica**: Memudahkan penciptaan tugas, penilaian, dan analisis untuk guru. Menampilkkan pangkalan data besar soalan berkualiti tinggi di mana guru boleh seret dan lepas untuk mencipta tugas, menilai soalan objektif dan subjektif, dan analitik untuk memfokuskan kelemahan setiap pelajar.
3. **StayWokeProperty**: Sebuah pasaran untuk penyewaan harta tanah jangka panjang. Menawarkan cadangan nilai unik yang membantu pemilik harta tanah untuk mempercepat penyewaan sambil mengurangkan kesulitan pengumpulan bayaran sewa dan penyelenggaraan harta tanah.
4. **FinDoc**: Platform saringan kredit dan nasihat dalam talian yang didorong oleh AI. Bagi peminjam, FinDoc mencadangkan produk kewangan terbaik dan nasihat peribadi untuk memperbaiki kesihatan kredit dan memenuhi keperluan pembiayaan. Bagi ejen dan bank, FinDoc bertindak sebagai penjana prospek.

5. **Beseek:** Alat analisis kandungan tanpa arahan. Beberapa ciri utama termasuk melakukan analisis kualitatif seperti sorotan utama dan analisis jurang antara data peribadi dan pengetahuan awam.

**Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle),** menyatakan peranan penting *startup* serta komitmen agensi Kerajaan dalam membangunkan sebuah ekosistem yang berprestasi tinggi, inklusif, dan mampan di negara ini. "Pelancaran kohort pertama pada tahun 2022 adalah bertujuan untuk memacu pertumbuhan *startup* peringkat awal melalui sesi bimbingan yang tersusun, yang dapat membantu mengembangkan potensi pertumbuhan mereka. Lebih daripada 100 *startup* telah mendapat manfaat daripada program ini, dengan majoriti *startup* mengembangkan perniagaan mereka ke dalam pasaran dan menggunakan solusi berasaskan teknologi seperti kecerdasan buatan canggih untuk merevolusikan diagnostic, blok rantai, dan platform laman interaktif atas talian. Untuk kohort kali ini, kami dengan berbesar hati menyokong kesemua 26 *startup*, di mana masing-masing menggunakan teknologi unik, data, dan kecerdasan untuk membangunkan pembuktian konsep yang memenuhi keperluan pasaran serta merapatkan jurang di dalam industri."

"Kami ucapkan tahniah kepada lima pemenang, finalis, dan semua *startup* yang menyertai kohort ketiga. Kami juga berharap untuk melengkapkan mereka dengan asas yang kukuh untuk mereka terus memberi impak dalam industri mereka," sambung Norman.

**Dato' Syed Haizam Jamalullail, Rakan Pengurusan, Tuas Capital Partners dan The Hive Southeast Asia,** yang juga merupakan salah seorang juri, mengulas: "Menyaksikan pembentangan inovatif dan disruptif di Demo Day MYStartup Pre-Accelerator memberi saya keyakinan besar terhadap bakat dan inovasi yang terhasil daripada program seperti ini. Kesemua 12 pengasas *startup* menunjukkan kualiti yang luar biasa, menggabungkan kreativiti, visi strategik, dan semangat keusahawanan. Walaupun berada di peringkat awal, *startup* ini jelas didorong oleh pertumbuhan dan bersedia untuk melancarkan usaha niaga mereka. Kami di The Hive Southeast Asia menantikan impak positif yang akan mereka bawa dan berharap untuk menyokong usahawan-usahawan berbakat ini mencapai kejayaan di masa hadapan."

Sementara itu, **Suddin Salleh, Pengasas ScancerAI** dan salah satu daripada lima startup terbaik, menggambarkan program ini sebagai batu loncatan dalam merealisasikan idea-idea inovatif, persiapan perniagaan untuk memasuki pasaran, dan membuka peluang untuk kerjasama pada masa hadapan. "Membina sebuah startup adalah sebuah perjalanan yang mencabar tetapi amat berbaloi. Selain menerima maklum balas dan bersedia untuk mengubah pendekatan, sokongan daripada mentor, rakan startup, dan penasihat juga penting. Bimbingan yang menyeluruh, peluang rangkaian, dan akses kepada pakar industri yang ditawarkan sepanjang program ini sangat mustahak untuk melonjakkan ScancerAI ke tahap seterusnya. Kami telah memperoleh bukan sahaja pencerahan yang bernilai dalam pelbagai aspek pembangunan startup daripada bengkel dan sesi bimbingan, tetapi juga maklum balas jujur daripada mentor

semasa sesi *pitch clinic* yang telah membantu memperhalusi model perniagaan dan strategi kami.”

Selain membawa pulang RM7,500 serta mendapat pengiktirafan industri, lima (5) *startup* terbaik ini akan menyertai MYStartup Market Access Programme. Program eksklusif ini memberi peluang untuk mereka mengembangkan rangkaian industri serta berinteraksi dengan pemain ekosistem utama dan rakan kongsi di seluruh dunia. Selain itu, Growth Charger juga akan terus menyokong *startup* ini dengan membantu menjalinkan hubungan strategik dalam ekosistem serta meningkatkan akses kepada pelabur antarabangsa.

Tambahan lagi, *startup* yang terpilih daripada kohort ini dan juga kohort-kohort sebelumnya mendapat bimbingan individu daripada usahawan-usahawan yang berpengalaman selama empat bulan. Sejak sesi *onboarding* yang diadakan pada bulan Mac lalu, peserta program ini telah menikmati pelbagai manfaat, termasuk acara sesi jaringan eksklusif dengan mentor dan rakan kongsi global, jemputan ke hab inovasi, akses kepada penyelidikan pasaran, serta saluran kepada peluang pembiayaan.

Lebih daripada sepuluh (10) pakar industry yang telah dilantik sebagai mentor kepada kohort ketiga ini terdiri daripada pelbagai latar belakang serta bidang kepakaran yang berbeza. Mereka juga berkongsi komitmen dan dedikasi yang sama, iaitu untuk membentuk para usahawan *startup* yang berjaya.

MYStartup Pre-Accelerator yang merupakan sebuah inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan dipacu oleh Cradle, bertujuan untuk mendorong *startup* peringkat awal dan pra-pembentukan (*pre-seed*) melalui program yang fleksibel dan komprehensif. Sejajar dengan objektif Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, iaitu untuk mewujudkan 5,000 startup menjelang 2025 dan 10,000 pengekod menjelang 2030, kohort ketiga program ini diharap untuk terus membuka peluang kepada bakal usahawan dan membantu mempercepat pertumbuhan perniagaan mereka, dalam pada masa yang sama, menyatukan komuniti dalam ekosistem *startup* yang *scalable*, mampan dan inklusif.

Sertai ekosistem *startup* dan menjadi sebahagian daripada inovasi hari ini! Layari [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my).

**TAMAT**

## **Mengenai Cradle**

**Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)** ialah agensi fokal untuk ekosistem startup Malaysia yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada tahun 2003 dengan seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Cradle menyumbangkan kadar pengkomersialan tertinggi dalam kalangan geran kerajaan dengan lebih daripada 1,000 startup teknologi dibiayai. Cradle kini menawarkan dua geran baharu iaitu CIP Spark dan CIP Sprint, serta menyasarkan pembangunan idea dan pengkomersialan startup teknologi. Cradle juga merupakan peneraju utama bagi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, inisiatif MYStartup dan Angel Tax Incentive (ATIO). Produk yang ditawarkan oleh Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersialan, bimbingan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan pelbagai usahawan masa kini. Visi dan misi Cradle selaras dengan aspirasi MOSTI iaitu untuk mewujudkan 5,000 startup menjelang 2025, melahirkan 10,000 pengekod mahir dan menjadikan Malaysia antara 20 ekosistem startup terbaik dunia menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut mengenai Cradle, sila layari [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my).

## **Mengenai MYStartup**

**MYStartup** ialah inisiatif nasional yang dimulakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan diterajui oleh Cradle. Ditubuhkan pada tahun 2021, MYStartup adalah Tetingkap Tunggal kepada ekosistem startup Malaysia, menawarkan platform sehenti untuk semua perkara berkaitan startup di Malaysia. Sejak dengan matlamat negara untuk menjadi antara 20 ekosistem startup terbaik dunia menjelang 2030, MYStartup memudahkan persekitaran perniagaan yang lancar melalui penyatuan pengasas, pelabur, bakat teknologi, agensi Kerajaan dan pemain ekosistem – menggalakkan pertumbuhan yang inklusif dan mampan. MYStartup juga merupakan sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030 dan telah memupuk ekosistem melalui program pembangunan kapasiti, termasuk hackathon, pemecut (accelerator), prapemecut (pre-accelerator) dan bootcamp. Usaha ini juga sejajar dengan sasaran MOSTI untuk mewujudkan 5,000 startup menjelang 2025 dan melahirkan 10,000 pengekod menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my).

## **Dikeluarkan oleh:**

Komunikasi Strategik  
Cradle Fund Sdn Bhd  
Level 20, Sunway Putra Tower  
100 Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

## **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

Nurshaffira Izzad - shaffira@cradle.com.my (+6019 888 1102)  
Elmy Fairuz Azmi - elmy@cradle.com.my (+6012 271 3457)

## **Apendiks A**

### Senarai 12 startup finalis

1. **ScancerAI:** Menggunakan AI canggih untuk pengesanan awal kanser paru-paru melalui analisis Sinar X dada, bertujuan merevolusikan diagnostik. Dibangunkan dengan kepakaran dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
2. **Practistica:** Memudahkan penciptaan tugas, penilaian, dan analisis untuk guru. Menampilkan pangkalan data besar soalan berkualiti tinggi di mana guru boleh seret dan lepas untuk mencipta tugas, menilai soalan objektif dan subjektif, dan analitik untuk memfokuskan kelemahan setiap pelajar.
3. **StayWokeProperty:** Sebuah pasaran untuk penyewaan harta tanah jangka panjang. Menawarkan cadangan nilai unik yang membantu pemilik harta tanah untuk mempercepat penyewaan sambil mengurangkan kesulitan pengumpulan bayaran sewa dan penyelenggaraan harta tanah.
4. **FinDoc:** Platform saringan kredit dan nasihat dalam talian yang didorong oleh AI. Bagi peminjam, FinDoc mencadangkan produk kewangan terbaik dan nasihat peribadi untuk memperbaiki kesihatan kredit dan memenuhi keperluan pembiayaan. Bagi ejen dan bank, FinDoc bertindak sebagai penjana prospek.
5. **Beseek:** Alat analisis kandungan tanpa arahan. Beberapa ciri utama termasuk melakukan analisis kualitatif seperti sorotan utama dan analisis jurang antara data peribadi dan pengetahuan awam.
6. **Bossrec:** Penggerak pengendali pengembalaan tempatan. Pengendali mikro menghadapi kesukaran untuk mendapatkan lesen agensi pelancongan yang memerlukan modal berbayar sebanyak RM150,000, menghalang mereka daripada memasarkan perkhidmatan mereka melalui platform digital. Membolehkan pelancongan pengembalaan tempatan dengan menyediakan penyelesaian pematuhan dan pemasaran untuk pengendali pengembalaan haram.
7. **Pixalink:** Sistem pemerolehan pelanggan yang memfokuskan kepada penangkapan dan pengekalan pelanggan. Berkhidmat kepada lebih daripada 80 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari pelbagai sektor termasuk Makanan, Pendidikan, dan Perkhidmatan Profesional. Juga mengautomatikkan interaksi antara PKS dengan pelanggan mereka daripada pengumpulan data hingga melancarkan operasi perniagaan.
8. **Rahmah AI:** Platform media digital yang menawarkan ruang selamat untuk penemuan kandungan dan perbincangan bagi umat Islam. Menyusun kandungan terbaik daripada individu beragama Islam yang berpengaruh. Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) juga

digunakan untuk memberikan panduan, sokongan, dan inspirasi kepada mereka yang mencari jalan untuk mengemudi kerumitan kehidupan moden dari perspektif Islam.

9. **Propmoth:** Penjana prospek yang layak berdasarkan SaaS untuk pengamal harta tanah. Menawarkan platform yang membolehkan pengguna menyenaraikan lokasi rumah idaman dan bajet mereka, dan pengamal harta tanah akan menghubungi mereka dengan tawaran yang sesuai. Mengurangkan kesukaran dalam pencarian harta tanah komersial dan kediaman kepada 3 lapisan.
10. **AgroFly:** Biofertilizer dengan tahap pengekangan mikrob yang tinggi yang membantu mempromosikan kesihatan tanah dan tumbuhan. Produk ini dapat meningkatkan hasil tanaman sebanyak 3% berbanding piawaian industri. Mewujudkan bioekonomi mampan dengan mengitar semula sisa sawit melalui kompos *Black Soldier Fly Larvae* (BSFL) untuk menghasilkan biofertilizer.
11. **Deepsight:** Mencipta ECG Sense, iaitu alat pembelajaran mudah alih yang digabungkan dengan alat diagnostik untuk membantu pengamal perubatan meningkatkan dan mempertajam keupayaan mereka untuk menganalisis dan mentafsir ECG dengan lebih cepat. Dalam jangka panjang, merancang untuk melancarkan alat diagnostik bertenaga AI untuk carta ECG.
12. **ContentHero:** Platform pemasaran AI komprehensif yang membantu perniagaan dan jenama memasarkan produk atau perkhidmatan mereka dalam satu platform AI.



Lima pemenang terbaik MYStartup Pre-Accelerator kohort ketiga yang diumumkan ketika "Demo Day." Dari kiri (atas): Eliza Elias dari Cradle, Besseek, Practistica, Scancer AI. Dari kiri (bawah): FinDoc, StayWokeProperty, Iskandar Shaf'i dari Growth Charger.